

AMANAHRAYA ■ REIT

AMANAHRAYA REAL ESTATE INVESTMENT TRUST
(amanah pelaburan harta tanah ditubuhkan di bawah undang-undang Malaysia)

NOTIS MESYUARAT PEMEGANG-PEMEGANG UNIT

NOTIS ADALAH DENGAN INI DIBERIKAN BAHAWA mesyuarat pemegang-pemegang unit AmanahRaya Real Estate Investment Trust ("**AmanahRaya REIT**") akan diadakan di Victorian Ballroom, Level 1, Holiday Villa Hotel Subang, No.9, Jalan SS12/1, Subang Jaya, 47500, Selangor Darul Ehsan pada hari Isnin, 19 April 2010 pada jam 10.00 pagi, atau pada mana-mana penangguhnya, untuk tujuan menimbangkan dan, sekiranya difikirkan sesuai, meluluskan resolusi-resolusi berikut:

RESOLUSI BIASA 1

CADANGAN PEMBELIAN SELAYANG MALL DAN CADANGAN PEMBELIAN DANA 13

BAHAWA bertakluk kepada kelulusan Resolusi-resolusi Biasa 2 dan 3, kelulusan pada dasar daripada Bursa Malaysia Securities Berhad ("**Bursa Securities**") bagi penyenaraian dan sebut harga bagi unit-unit baru yang akan diterbitkan dan kelulusan telah diperolehi daripada pihak-pihak berkuasa berperaturan dan pihak-pihak berkenaan (di mana diperlukan), CIMB Trustee Berhad ("**Pemegang Amanah**") bagi pihak AmanahRaya REIT adalah dan dengan ini diberi kebenaran untuk membeli keseluruhan kepentingan harta-harta berikut bersama dengan semua gadaian atau lien atau mana-mana bebanan lain dan dengan semua hak sekarang atau selepas ini terlampir kepadanya daripada Amanah Raya Berhad bagi pihak Kumpulan Wang Bersama untuk dijelaskan secara keseluruhan secara tunai seperti berikut:

- Sebidang tanah pegangan pajak dipegang di bawah PM 11660, Lot 38451, Bandar Selayang, Daerah Gombak, Selangor Darul Ehsan, di atas mana terdirinya kompleks membeli-belah 6-tingkat dengan aras basmen, dikenali sebagai Selayang Mall, untuk balasan pembelian sebanyak RM128,000,000 ("**Cadangan Pembelian Selayang Mall**"); dan
- Bangunan pejabat berstrata 13-tingkat yang membentuk sebahagian daripada Pusat Komersial Dana 1, yang dipegang di bawah hak milik induk Pajakan Negeri 8024, Lot 59214, Mukim Damansara, Daerah Petaling, Selangor Darul Ehsan, dikenali sebagai Dana 13, untuk balasan pembelian sebanyak RM99,000,000 ("**Cadangan Pembelian Dana 13**");

DAN BAHAWA Pemegang Amanah (sebagai pemegang amanah untuk AmanahRaya REIT), adalah dan dengan ini diberi kebenaran untuk menandatangani perjanjian jual beli (dengan terma-terma penting sebagaimana dinyatakan dalam Seksyen 2.2 Pekeliling kepada pemegang-pemegang unit berkaitan dengan Cadangan Pembelian Selayang Mall, Cadangan Pembelian Dana 13, Cadangan Penempatan dan Cadangan Penambahan dalam Saiz Dana ("**Cadangan-cadangan**")), surat kuasa wakil dan lain-lain dokumen berkenaan atau diperlukan untuk penjual berkaitan dengan dan bagi tujuan menyelesaikan Cadangan Pembelian Selayang Mall dan Cadangan Pembelian Dana 13;

DAN SELANJUTNYA BAHAWA Lembaga Pengarah ("**Lembaga**") AmanahRaya-REIT Managers Sdn Bhd ("**ARRM**") dan Pemegang Amanah (bertindak untuk dan bagi pihak AmanahRaya REIT), adalah dan dengan ini diberi kebenaran untuk mengambil langkah-langkah tertentu dan menandatangani semua perjanjian, pengaturanan dan/atau janji tertentu dengan mana-mana pihak atau pihak-pihak sebagaimana ia mungkin dianggap wajar, perlu, suai manfaat dan/atau sesuai untuk menjalankan mana-mana perkara lain sebagaimana mereka mungkin anggap wajar, perlu, suai manfaat dan/atau sesuai untuk melaksanakan dan muktamadkan dan memberi kesan sepenuhnya kepada Cadangan Pembelian Selayang Mall dan Cadangan Pembelian Dana 13 dengan kuasa penuh untuk bersetuju dengan mana-mana terma, syarat, modifikasi, variasi dan/atau pindaan sebagaimana mungkin dipersetujui oleh/perlukan oleh pihak-pihak berkuasa berperaturan berkenaan atau akibat daripada mana-mana keperluan sedemikian atau sebagaimana mungkin dianggap perlu dan/atau wajar demi kepentingan terbaik AmanahRaya REIT.

RESOLUSI BIASA 2

CADANGAN PENEMPATAN PERSENDIRIAN SEHINGGA 159,731,544 UNIT UNTUK MENGHASILKAN PEROLEHAN SEBANYAK RM119,000,000 ("**CADANGAN PENEMPATAN**")

BAHAWA bertakluk kepada kelulusan Resolusi-resolusi Biasa 1 dan 3, kelulusan pada dasar daripada Bursa Securities bagi penyenaraian dan sebut harga bagi unit-unit baru yang akan diterbitkan dan kelulusan telah diperolehi daripada pihak-pihak berkuasa berperaturan dan pihak-pihak berkenaan (di mana diperlukan), Lembaga ARRM adalah dan dengan ini diberi kebenaran untuk menerbitkan sehingga 159,731,544 unit baru dalam AmanahRaya REIT untuk menghasilkan perolehan sebanyak RM119,000,000 pada harga terbitan yang akan ditentukan berdasarkan harga pelaksanaan unit-unit baru dalam AmanahRaya REIT sebaik sahaja sebelum tarikh penetapan harga bagi Kumpulan Wang Bersama ("**KWB**"), pemegang unit utama AmanahRaya REIT, di mana perolehan dihasilkan daripada bahagian KWB daripada Cadangan Penempatan hendaklah bersamaan RM17,000,000 dan pada harga terbitan yang akan ditentukan tidak lebih daripada diskaun 10% berdasarkan purata pasaran harga pasaran 5-hari sebaik sahaja sebelum tarikh penetapan harga kepada lain-lain penerima penempatan, dalam cara sebagaimana dinyatakan dalam Seksyen 3 Pekeliling kepada pemegang-pemegang unit berkaitan dengan Cadangan-cadangan.

DAN BAHAWA unit-unit baru hendaklah atas penerbitan dan peruntukan, bertaraf pari passu dalam semua hubungan dengan unit-unit sedia ada kecuali bahawa unit-unit baru tidak akan berhak untuk turut serta dalam mana-mana pendapatan, hak, peruntukan boleh diagih dan/atau mana-mana pengagihan lain yang mungkin diisytiharkan sebelum tarikh peruntukan unit-unit baru.

DAN SELANJUTNYA BAHAWA Lembaga ARRM dan Pemegang Amanah (bertindak untuk dan bagi pihak AmanahRaya REIT) adalah dan dengan ini diberi kuasa untuk memberi kesan kepada Cadangan Penempatan tersebut di atas dengan kuasa penuh untuk bersetuju dengan mana-mana syarat, variasi, modifikasi dan/atau pindaan dalam mana-mana cara sebagaimana mungkin diperlukan oleh mana-mana pihak berkuasa berkenaan dan untuk berurusan dengan semua perkara berkaitan dengannya dan untuk mengambil semua langkah dan melakukan semua perbuatan dan perkara dalam apa-apa cara sebagaimana mereka mungkin anggap sesuai, perlu, suai manfaat dan/atau sesuai untuk melaksanakan dan muktamadkan dan memberi kesan sepenuhnya kepada Cadangan Penempatan.

RESOLUSI BIASA 3

CADANGAN PENAMBAHAN DALAM SAIZ DANA DILULUSKAN SEDIA ADA AMANAHRAYA REIT SEBANYAK 431,553,191 UNIT KEPADA SEHINGGA 591,284,735 UNIT ("**CADANGAN PENAMBAHAN DALAM SAIZ DANA**")

BAHAWA bertakluk kepada kelulusan Resolusi-resolusi Biasa 1 dan 2 di atas, kelulusan pada dasar daripada Bursa Securities bagi penyenaraian dan sebut harga bagi unit-unit baru yang akan diterbitkan dan kelulusan telah diperolehi daripada pihak-pihak berkuasa berperaturan dan pihak-pihak berkenaan (di mana diperlukan), Lembaga ARRM adalah dan dengan ini dibenarkan untuk menambah saiz dana diluluskan sedia ada AmanahRaya REIT sebanyak 431,553,191 unit sehingga 591,284,735 unit selaras dengan Cadangan Penempatan, dalam cara sebagaimana dinyatakan dalam Seksyen 4 Pekeliling kepada pemegang-pemegang unit berkaitan dengan Cadangan-cadangan.

DAN BAHAWA Lembaga ARRM dan Pemegang Amanah (sebagai pemegang amanah AmanahRaya REIT) adalah dan dengan ini dibenarkan untuk memberi kesan kepada Cadangan Penambahan dalam Saiz Dana tersebut di atas dengan kuasa penuh untuk bersetuju dengan mana-mana syarat, variasi, modifikasi dan/atau pindaan dalam mana-mana cara sebagaimana mungkin diperlukan oleh mana-mana pihak berkuasa berkenaan dan untuk berurusan dengan semua perkara berkaitan dengannya dan untuk mengambil semua langkah tertentu dan untuk melakukan semua perbuatan dan perkara dalam apa-apa cara sebagaimana mereka mungkin anggap perlu sesuai atau wajar untuk melaksanakan, muktamadkan dan memberi kesan sepenuhnya kepada Cadangan Penambahan dalam Saiz Dana.

DENGAN ARAHAN LEMBAGA AMANAHRAYA – REIT MANAGERS SDN BHD

Zainul Abidin bin Haji Ahmad (LS8854)
Chu Kum Yoon (MAICSA 0794468)
See Siew Cheng (MAICSA 7011225)
Setiausaha Syarikat Bersama
Kuala Lumpur
31 Mac 2010

Nota-nota:

- Pemegang unit yang berhak untuk hadir dan mengundi pada mesyuarat adalah berhak untuk melantik orang lain sebagai proksi beliau untuk hadir dan mengundi. Proksi boleh tetapi tidak perlu merupakan pemegang unit AmanahRaya REIT.
- Sekiranya pemegang unit adalah nomini diberi kuasa, ia boleh melantik sekurang-kurangnya seorang (1) proksi berhubung dengan setiap Akaun Sekutunya yang ia pegang. Sekiranya pemegang unit melantik dua (2) proksi, pelantikan adalah tidak sah melainkan pemegang unit menyatakan perkedaran daripada pemegangannya untuk diwakili oleh setiap proksi.
- Surat cara melantik proksi hendaklah secara bertulis ditandatangani oleh pelantik atau wakil beliau yang diberi kuasa sewajarnya secara bertulis atau sekiranya pelantik merupakan sebuah perbadanan sama ada di bawah meterai biasanya atau ditandatangani oleh pegawai atau waki diberi kuasa sewajarnya secara bertulis.
- Surat cara melantik proksi hendaklah diserahkan di pejabat perniagaan CIMB Trustee Berhad di Aros 7, Wisma Amanah Raya Berhad, Jalan Semantan, Damansara Heights, 50490 Kuala Lumpur tidak kurang daripada empat puluh lapan (48) jam sebelum masa ditetapkan bagi mesyuarat atau pada mana-mana penangguhnya.